

27 JUN 2003

Mahathir-Perkahwinan (Bergambar)

PM HADIRI MAJLIS PERKAHWINAN KAKITANGAN SERI PERDANA

PUTRAJAYA, 27 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meraikan pasangan pengantin baru kakitangan kediaman rasmi Perdana Menteri, pada satu majlis di Kompleks Seri Perdana, majlis pertama seumpama itu yang pernah diadakan di sini.

Turut meraikan mereka ialah isteri Dr Mahathir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali.

Azhar Mohamed Rus, 24, dan pasangannya Norlela Johar, 23, diijabkabulkan pada 22 Mei lepas bagaimanapun Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah tidak dapat menghadiri majlis perkahwinan mereka yang diadakan di Kedah.

Pada majlis hari ini, Azhar mendendangkan sebuah lagu Hindustan untuk isterinya, membuatkan mereka yang hadir turut terhibur.

Majlis itu bertukar seolah seperti majlis perpisahan apabila Dr Mahathir, yang akan melepaskan jawatan pada Oktober, mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Seri Perdana atas khidmat cemerlang yang mereka berikan.

"Saya dan isteri amat berpuashati dengan khidmat yang diberikan. Mereka telah memberikan khidmat dengan begitu baik ketika menjaga kompleks ini dan kadang-kadang terpaksa bekerja hingga larut malam.

"Saya amat terhutang budi kepada semua yang bekerja di sini dan, bersama isteri saya, ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahui sama ada kakitangan Seri Perdana sekarang akan terus bekerja di sini bila beliau bersara kelak.

"Tetapi saya harap kalau ada peluang, mereka akan terus menjaga kompleks ini dengan baik," katanya.

Menyentuh majlis yang diadakan itu, Dr Mahathir secara berseloroh berkata peluang mengadakan majlis perkahwinan di Seri Perdana untuk dua lagi anaknya yang masih muda "amat tipis" memandangkan beliau akan meninggalkan Seri Perdana beberapa bulan lagi.

"Jadi saya berasa amat gembira kerana dapat mengadakan majlis perkahwinan di kompleks ini," katanya.

Ketika ditemui, kedua-dua mempelai melahirkan perasaan terharu dan berbesar hati dengan kesudian Dr Mahathir meraikan perkahwinan mereka.

"Kami tidak minta Perdana Menteri mengadakan majlis ini untuk kami tetapi beliau sendiri yang ingin berbuat demikian," kata Norlela.

-- BERNAMA
MAM MAM RON